

Lengkapkan karangan pendek berikut dengan pilihan jawapan yang betul.

Semangat Kejiranan

harmoni	rumah terbuka	aktiviti	demikian
Malaysia	sikap	Amalan	gotong-royong
jiran	kerjasama	silaturahmi	melahirkan
memupuk	kejiranan	saling	

Semangat _____ perlu wujud dalam diri setiap rakyat _____ . Hal ini dikatakan _____ kerana semangat kejiranan dapat _____ masyarakat yang _____. Melalui semangat ini juga nilai _____ dan _____ membantu dapat dipupuk sekali gus dapat mewujudkan _____ saling memahami dan menghormati antara satu sama lain.

Antara _____ yang boleh dilakukan bagi _____ semangat kejiranan ialah mengadakan aktiviti _____. Melalui aktiviti ini jiran-jiran dapat berkumpul dan lebih mengenali antara satu sama lain. Majlis _____ juga boleh diadakan untuk menyambut setiap perayaan. _____ ini sudah pasti dapat memperkukuh ikatan _____ sesama _____.

Jelaslah bahawa semangat kejiranan dapat dipupuk melalui berbagai-bagai aktiviti.